

SIARAN MEDIA

MITI BANTU AVIALITE BERSINAR DI PASARAN ANTARABANGSA

[Kuala Terengganu, 18 Mei, 2017] YB Dato' Sri Mustapa Mohamed pada hari ini telah mengadakan satu lawatan kerja rasmi ke Avialite Sdn. Bhd., salah sebuah syarikat pengeluar produk lampu *Light Emitting Diode* (LED) di Malaysia. Lawatan rasmi ini adalah sebahagian daripada jadual kunjungan beliau ke Terengganu sempena Majlis Pelancaran Minggu PKS 2017 Peringkat Kebangsaan. Pencapaian dan kejayaan Avialite adalah salah satu hasil daripada inisiatif Kerajaan melalui Program EPP-10 untuk melahirkan syarikat tempatan pengeluar LED bertaraf dunia.

Di bawah Program Transformasi Ekonomi, Kerajaan Malaysia telah meletakkan EPP-10 sebagai salah satu program untuk meningkatkan keupayaan dan produktiviti PKS dalam industri pengeluaran produk *light emitting diode* (LED) dan *solid state lighting* (SSL). Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui SME Corp. Malaysia bertanggungjawab memastikan 11 syarikat di bawah program ini mencapai jualan kumulatif sebanyak RM115 juta dan mencapai pensijilan antarabangsa bagi 30 produk SSL / LED pada tahun 2016. Hasilnya, program ini telah melebihi sasaran tersebut dengan jualan kumulatif sebanyak RM125.2 juta dan telah berjaya mencapai pensijilan antarabangsa bagi 38 produk tempatan.

Avialite Sdn. Bhd. merupakan salah sebuah syarikat yang telah menerima insentif kewangan daripada SME Corp. Malaysia di bawah program EPP-10 bagi pembinaan kapasiti dan pensijilan antarabangsa. Bantuan yang diterima membolehkan syarikat ini menerokai pasaran ASEAN seperti Indonesia dan Myanmar. Perasmian kilang baharu Avialite yang berukuran 1 hektar ini secara tidak langsung dapat menampung kapasiti penyimpanan bahan mentah dan kawasan pengeluaran yang lebih luas. Ianya juga dapat memenuhi permintaan yang semakin meningkat dari semasa ke semasa. Dengan menampilkan konsep bangunan/kilang hijau, perpindahan Avialite daripada Bangi ke Kuala



Terengganu ini juga dapat membuka peluang pekerjaan baharu kepada anak-anak tempatan di Kuala Terengganu sekaligus meletakkan Avialite sebagai antara pengeluar produk LED/SSL terkemuka di Malaysia.

Avialite Sdn Bhd turut mendapat bantuan pembiayaan dan insentif daripada MIDF, ECER dan MIDA dan kini sedang giat meneroka peluang perniagaan bersama Tenaga Nasional Berhad, Sabah Electricity Sdn Bhd dan Juga pasaran E&E di Vietnam dan Myanmar.

Majlis perasmian kilang baharu Avialite ini turut dihadiri oleh YBhg. Tan Sri Ir (Dr) Mohamed Al Amin Haji Abdul Majid, Pengerusi SME Corp. Malaysia, YBhg. Datuk (Dr) Hafsah Hashim, Ketua Eksekutif SME Corp. Malaysia dan YB Haji Nawli Bin Mohamad, Exco Kemajuan Luar Bandar Usahawan, Koperasi Dan Kepenggunaan Negeri Terengganu.

-TAMAT-

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI) SME CORP. MALAYSIA

MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju menjelang 2020.

SME Corp. Malaysia:

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my

ATAU

Pn Nor Azian Md Yusoff di **03-2775 6174** (azian@smecorp.gov.my)

Ahmad Mu'izz Mohd Yusof di **03-2775 6275** (muizzyusof@smecorp.gov.my)

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA
(SME CORP. MALAYSIA)

Level 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001

<http://www.smecorp.gov.my>

e-mail: info@smecorp.gov.my